



# LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

| Butir-Butir Tawaran                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | Syarat-Syarat Pendaftaran                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Harga Dokumen                                                                                                                                                                 | Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Pembelian Dokumen                                                 | Waktu & Tarikh Tutup                                             |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| <b>KERJA-KERJA MENAIKTARAF LIMA (5) UNIT RUMAH SAMPAH SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SKIM CERIA TAHUN 2026 DI PANGSAPURI TAMAN PINGGIRAN DELIMA, JALAN PINGGIRAN DELIMA 2/7, TAMAN PINGGIRAN DELIMA, HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN</b><br><br><b>No. Sebut Harga: LPHS/SH/K/26/13</b><br><br><b>No. Fail: LPHS.UPA.400-5/7/219</b> | <b>KONTRAKTOR TEMPATAN &amp; Berdaftar Di DAERAH HULU LANGAT, NEGERI SELANGOR</b><br><br>Kontraktor Berdaftar dengan CIDB<br><b>Gred: G1</b><br><br><b>Kategori: CE (KEJURUTERAAN AWAM)</b><br><b>Pengkhususan: CE21 (PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM)</b><br><b>Dan</b><br><b>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC)</b><br><br><b>Dan Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</b> | <b>RM50.00</b><br><br><b>Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor</b><br><br><b>(Dokumen Hanya Akan Dijual Kepada Syarikat Yang Hadir Lawatan Tapak)</b> | <b>Tarikh: 12 Ogos 2026 (Rabu)</b><br><br><b>Masa: 11.00 Pagi</b><br><br><b>Tempat: Pejabat Pengurusan, Pangsapuri Taman Pinggiran Delima</b><br><br><b>Koordinat: 3.12220, 101.80928</b><br><br><b>Kehadiran Taklimat adalah WAJIB</b><br><br>(Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil) | <b>Bermula 13 Ogos 2026 (Khamis) sehingga 19 Ogos 2026 (Rabu)</b> | <b>20 Ogos 2026 (Khamis)</b><br><br><b>Jam 12.00 tengah hari</b> |

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak bermula pada **05 OGOS 2026 (RABU)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **03-5544 7647 (Unit Pentadbiran & Perolehan)** dan **016-226 2480 (Unit Kejuruteraan & Teknikal)**.

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

**Lawatan Tapak** hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa DOKUMEN ASAL Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan Berdaftar dengan UPEN Selangor** serta masih aktif dan tempoh sah laku syarikat masih berkuatkuasa semasa pembelian dokumen sebut harga. Sila bawa **satu salinan bagi setiap sijil tersebut (WAJIB)** semasa Lawatan Tapak Sebut Harga. **Sila Bawa Bersama Cop Syarikat (\*PENERIMAAN DOKUMEN SECARA DALAM TALIAN / MOBILE TIDAK TERPAKAI. SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN)**

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Sebut Harga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **SEBELUM ATAU PADA PUKUL 12.00 TENGAHARI, 20 OGOS 2026 (KHAMIS)** kepada:

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor  
Tingkat 5, Podium Utara  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 SHAH ALAM

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.**

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

**TARIKH: 05 OGOS 2026 (RABU)**